

ASET PEMBANGUNAN

Portfolio Aset Pembangunan kami terdiri daripada pelaburan yang mempunyai sasaran impak ekonomi yang jelas tetapi tempoh pelaksanaan yang lebih panjang diperlukan untuk meraih pulangan yang diharapkan.



Sejajar dengan strategi *Memajukan Malaysia*, salah satu pelaburan utama kami adalah di Iskandar Malaysia, di mana kami menyerahkan untuk menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi dan daya saing ekonomi di wilayah Iskandar Puteri. Hasil sokongan jangka panjang kami berjaya mengubah kawasan itu menjadi sebuah wilayah ekonomi yang berkembang pesat sejak mula penubuhannya pada tahun 2006. Pelaburan kami, antaranya dalam sektor pendidikan dan pembangunan harta tanah, terus menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan.



► EduCity Iskandar Malaysia



Aset pembangunan kami juga termasuk Impeccable Vintage Properties Sdn Bhd (IVP), sebuah anak syarikat sepenuhnya milik Khazanah yang menyaksikan kami melabur untuk memulihkan dan meningkatkan fasiliti IVP di Kompleks A di Subang. Projek ini menyokong aspirasi Kerajaan Malaysia untuk memajukan Subang menjadi pusat penerbangan udara bertaraf dunia dan seterusnya menyokong Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 (Malaysia Aerospace Industry Blueprint 2030 (MAIB2030)) bagi membolehkan Malaysia muncul sebagai pemain industri bernilai tinggi yang menumpukan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) di pasaran global. Inisiatif ini juga akan memberi kesan limpahan yang positif kepada ekosistem Penyelenggaraan, Pembaikan, dan Pembaharuan (MRO) Malaysia serta mengalakkan penciptaan pekerjaan yang berkemahiran tinggi melalui program Pendidikan dan Latihan Vokasional Teknikal (TVET).